

TEMA PEMBANGUNAN EKONOMI

**Sivachandralingam Sundara Raja
Jabatan Sejarah Universiti Malaya**

SEMINAR GURU – 10-11 OGOS 2017

siva@um.edu.my

Kertas kerja ini akan mengupas tajuk-tajuk utama yang terangkum di bawah tema Pembangunan Ekonomi dalam teks Sejarah Tingkatan 5 dengan memberikan penekanan kepada cara untuk mendekati tajuk-tajuk ini dan perhatian kepada cara menggubal soalan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) untuk menguji pemahaman pelajar tentang tema yang dikaji. Sebelum diperinci tema-tema pembangunan, terlebih dahulu harus difahami maksud pembangunan pada era British dan selepas merdeka. Perbincangan akan dimulakan dengan memberikan kronologi sejarah, pendetailan dan contoh-contoh soalan KBAT.

Pengenalan

Pembangunan ekonomi pada era pemerintahan British bermula dengan penguasaan Pulau Pinang sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957. Ekonominya terbahagi kepada ekonomi tradisional dan moden. Ekonomi tradisional merujuk kepada kegiatan ekonomi yang bersifat sara diri dengan pengeluaran yang rendah, penggunaan kaedah tradisional, tumpuan di luar bandar dan diusahakan oleh orang Melayu. Jenis-jenis kegiatan ekonomi pula terdiri dari perdagangan, pertanian, perikanan dan perlombongan. Ekonomi moden merujuk kepada ekonomi yang dimajukan oleh British dan pengusaha Cina yang dicirikan oleh pengeluaran secara besar-besaran, penggunaan modal yang banyak, teknologi moden, tenaga kerja yang ramai, penggunaan tanah pertanian dan perlombongan dan kaedah pengurusan yang cekap. Kegiatan ekonomi merujuk kepada pertanian eksport, perlombongan dan perdagangan antarabangsa.

Senario ini telah mewujudkan ekonomi duaan iaitu dua jenis ekonomi yang berjalan serentak. Ekonomi tradisional yang bertujuan untuk hasilkan tanaman padi bagi penduduk tempatan yang tertumpu di pantai timur dan tanaman eksport di pantai barat dengan tumpuan kepada kegiatan ekonomi berorientasikan eksport (kopi, getah bijih timah dan kelapa sawit). Keadaan ini menyebabkan terdapat perbezaan pembangunan antara pantai barat dan timur. Ini amat nyata dalam sektor pertanian antara sektor perladangan dan pekebun kecil. Sektor perladangan berintensifkan modal, buruh mahir pengurusan yang lebih teratur, penggunaan teknologi, daya pengeluaran yang tinggi dan struktur gaji yang teratur. Sementara sektor pekebun kecil mempunyai ciri-ciri pertumbuhan yang lembab, modal dan pengeluaran yang rendah, teknologi tradisional, pekerja yang tidak mahir, masalah infrastruktur dan keluasan tanah yang terhad. Kekurangan ini cuba diatasi oleh kerajaan selepas negara mencapai kemerdekaan melalui pelbagai rancangan pembangunan kerajaan.

Pembangunan Ekonomi Selepas Merdeka

Selepas merdeka terdapat usaha untuk mengintegrasikan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dengan melibatkan semua kaum melalui rancangan pembangunan lima tahun, memajukan sektor pertanian, menyeimbangkan pembangunan antara wilayah dan kaum melalui Dasar Pertanian Negara, Dasar Pensyarikatan, Penswastaaan, Peningkatan Daya Pengeluaran Negara dan Dasar Kependudukan.

Rancangan Pembangunan Lima Tahun

Selepas merdeka kerajaan telah memperkenalkan rancangan pembangunan 5 tahun untuk mengatasi pelbagai masalah sosioekonomi yang timbul akibat dasar penjajahan British. Rancangan pembangunan ini boleh dibahagikan kepada dua fasa, pertama fasa Rancangan

Malaya antara 1956-1970 dan fasa Rancangan Malaysia pertama hingga kelima antara 1970-1990 yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam mendekati tajuk ini apa yang harus dilakukan oleh guru ialah menjelaskan seperti dalam jadual di bawah setiap rancangan pembangunan, objektif dan program utama supaya pelajar faham rancangan pembangunan tersebut. Lihat contoh Rancangan Malaya Pertama di bawah:

Rancangan Pembangunan	Objektif Utama	Program Utama
Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan tumpuan kepada sektor luar bandar. • Mempelbagaikan keluaran pertanian supaya tidak hanya bergantung kepada pengeluaran getah. • Menambahkan peluang pekerjaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan. 	<ul style="list-style-type: none"> • RIDA berusaha untuk memajukan masyarakat luar bandar melalui pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur. • FELDA membuka dan memajukan tanah baru secara besar-besaran bagi pertanian dan penempatan semula. • Keluarga dari kawasan luar bandar dipindahkan ke rancangan tanah FELDA untuk menanam getah atau kelapa sawit. • Perumahan dan kemudahan asas disediakan untuk peneroka. • Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ditubuhkan pada 1959 untuk menyelaras dan menggerakkan pembangunan luar bandar. • Majlis Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan diperingkat negeri dan daerah bagi merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan. • Mesyuarat diadakan di Bilik Gerakan yang ditubuhkan di setiap Pejabat Daerah. • Kerajaan memperkenalkan Buku Merah yang mengandungi butir-butir tentang cara pelaksanaan dan pengesahan tahap kemajuan projek pembangunan. • Kerajaan memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan asas bagi penduduk luar bandar.

Rancangan Membangunkan Sektor Pertanian

Kerajaan memajukan sektor pertanian melalui tiga dasar pertanian seperti di bawah;

- (i) Pembangunan pertanian in-situ – mengembang dan meneroka tanah pertanian sedia ada.
- (ii) Menyatukan tanah-tanah terbiar dan ditanam dengan tanaman kekal seperti getah dan kelapa sawit.
- (iii) Merencanakan pembangunan tanah dengan membuka hutan untuk kegiatan pertanian.
Sebagai contoh rancangan FELDA.

Dasar Pembangunan Ekonomi

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar baru bagi membangunkan ekonomi negara. Dasar-dasar tersebut meliputi usaha untuk menyeimbangkan pembangunan antara wilayah dan kaum dan juga untuk memenuhi keperluan ekonomi moden yang berteraskan perindustrian. Dasar-dasar tersebut adalah seperti di bawah:

- (i) Melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di bawah Rancangan Malaysia Kedua
- (ii) Dasar Pertanian Negara
- (iii) Dasar Pensyarikatan Malaysia
- (iv) Dasar Penswastaaan Negara
- (v) Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
- (vi) Dasar Kependudukan
- (vii) Pelan Induk Perindustrian Negara
- (viii) Dasar Pembangunan Nasional

Kesemua dasar di atas harus diperinci dari segi sebab diperkenalkan, konteks sejarah, ciri-ciri setiap dasar dan pelaksanaan dasar. Hanya dengan memperinci kesemua aspek ini pelajar dapat memahami dasar-dasar ini dengan mendalam dan kritis. Dasar Pertanian Negara akan

dipilih untuk menjelaskan bagaimana tajuk ini boleh dibincangkan dengan merangkumi kesemua kriteria di atas.

Dasar Pertanian Negara

Rasional

Dasar ini diperkenalkan antara 1992-2010 untuk mengatasi kelemahan Dasar Pertanian sebelum ini. Ia juga untuk mempercepatkan transformasi sektor pertanian kepada satu sektor yang lebih moden, berkomersil dan bermampan.

Konteks

Menyedari bahawa dunia berubah dan sektor pertanian negara juga harus berubah dengan tuntutan zaman supaya dapat membuat pengubahsuaian yang pantas dan bersesuaian dengan perubahan tersebut. Semakan ini juga perlu dilakukan untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Objektif

Memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber-sumber secara optima.

Strategi

- (i) Pemesatan Pembangunan Industri Berasaskan Pertanian
- (ii) Penyelidikan dan Pembangunan
- (iii) Meningkatkan Peranan Sektor Swasta
- (iv) Pembentukan Semula Pemasaran
- (v) Pembangunan Industri Makanan Yang Dinamik

Dasar

- (i) Makanan – beras, perikanan
- (ii) Ternakan – ayam-itik, daging lembu, tenusu, daging bebiri dan daging khinzir
- (iii) Buah-buahan
- (iv) Sayur-sayuran
- (v) Kelapa
- (vi) Tanaman Industri – kelapa sawit, getah, koko, nenas, lada hitam, tembakau, perhutanan dan bunga-bunga
- (vii) Tanaman Pelbagai – sagu, tebu, teh dan kopi
- (viii) Khidmat Sokongan Pengembangan dan latihan


SOALAN KBAT

Ekonomi Zaman British

1. Huraikan kegiatan ekonomi Tanah Melayu pada era pemerintahan British. KBAT – Memahami; KPS – Memahami Kronologi
2. Peta menunjukkan kemajuan infrastruktur (landasan keretapi) Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-19. Mengapa lebih banyak landasan keretapi di bina di pantai barat?
?. KBAT – Menilai; KPS – Mencari/Meneroka Bukti
3. “Ekonomi Malaysia selepas merdeka mewarisi struktur ekonomi British”. Hujahkan/Bersetujukah anda dengan kenyataan ini. KBAT – Menilai; KPS – Interpretasi
4. Mengapa British tidak menggunakan orang Melayu untuk mengusahakan kegiatan perlombongan pada abad ke-19? . KBAT – Menilai; KPS – Rasional

- Peta menunjukkan perkembangan infrastruktur yang dialami oleh Negeri-Negeri Melayu pada abad ke-19. Andaikan anda diberi pilihan untuk bekerja samada di Pantai Barat atau Timur, apakah pilihan anda dan mengapa?. KBAT – Menganalisis (membanding beza); KPS – Membuat Imaginasi

Perkembangan Keretapi di Tanah Melayu, 1885-1909




Rancangan Malaysia

- Huraikan matlamat Rancangan Malaysia Pertama. KBAT – Memahami; KPS – Memahami Kronologi
- Apakah kaedah yang digunakan oleh Tun Abdul Razak untuk menilai pelaksanaan dan pengesanan tahap kemajuan projek pembangunan?. KBAT –Memahami; KPS – Meneroka Bukti
- Rancangan Malaysia Pertama semata-mata bertujuan untuk membantu orang Melayu di luar bandar. Hujahkan. KBAT – Menilai; KPS – Interpretasi.

4. Apakah rasional penubuhan RIDA dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedangkan kedua-duanya mempunyai peranan yang sama. KBAT –Menilai; KPS – Rasional.
5. “Gambar menunjukkan seorang pemimpin Melayu yang sanggup berbasikal untuk menyelesaikan masalah orang Melayu dan keadaan perkampungan Melayu awal 1950-an”
Apakah yang dapat anda bayangkan tentang usaha pemimpin ini dan keadaan kampung orang Melayu? KBAT – Menganalisis; KPS- Membuat Imajinasi

Gambar menunjukkan seorang Tokoh Melayu Berbasikal dan Keadaan Kampung Melayu



Dasar Penswastaan

1. Huraikan tujuan Dasar Penswastaan Negara. KBAT – Memahami; KPS – Memahami Kronologi.
2. Apakah perkhidmatan kerajaan yang telah diswastakan oleh Dr. Mahathir? KBAT – Memahami; KPS – Meneroka Bukti.
3. Dasar Penswastaan telah mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan. Hujahkan. KBAT – Menilai; KPS- Interpretasi.
4. Andaikan anda diberi pilihan untuk mendapat perkhidmatan di bawah Lembaga Letrik Negara (sebelum 1985) dan Tenaga Nasional (selepas 1985), apakah organisasi yang akan menjadi pilihan anda dan mengapa?. KBAT – Menganalisis (Membanding beza); KPS- Imajinasi.

Kesimpulan

Makalah ini telah menghuraikan bagaimana tema pembangunan perlu didekati dengan menekankan aspek pengisian konten, konteks, kemahiran pemikiran sejarah dan senarai rujukan untuk membantu pengajaran yang lebih kritis. Pelajar hanya akan faham tema ini jika dimulakan dengan menjelaskan maksud dualisme ekonomi yang merupakan warisan sejarah yang cuba dibetulkan oleh kerajaan selepas merdeka. Perincian tentang rancangan pembangunan lima tahun harus diperinci dari segi rancangan, objektif dan program utama. Sementara setiap rancangan pembangunan perlu dijelaskan dalam konteks sejarah. Contoh-contoh soalan yang disediakan pula akan membantu guru memikirkan kaedah terbaik menggubal soalan berasaskan Kemahiran Pemikiran Sejarah.

Senarai Rujukan

Bahanoji Rao, V.V., *Malaysia: Development Pattern and Policy, 1945-1971*, Singapore, Singapore University Press, 1980.

Chamhuri Siwar, Surtahman Kastin Hassan dan Norshamliza Chamhuri, *Ekonomi Malaysia*, Edisi Keenam, Petaling Jaya, Pearson Malaysia Sdn.Bhd., 2005.

Corner, Lorraine, "The Persistence of Poverty: Rural Development Policy in Malaysia", *Kajian Malaysia*, Jilid. 1, No. 1, Jun 1983.

Courtenay, P.P., "The Diversification of Malaysian Agriculture, 1950-80: Objectives and Achievements", *Journal of Southeast Asian Studies*, Jilid XV, No. 1, Mac 1984.

Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia, Kuala Lumpur, Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), 1992.

Drabble, John.H., *An Economic History of Malaysia, c. 1800-1990*, London, Macmillan Press Ltd., 2000.

Esman, M.J., *Administration and Development in Malaysia*, New York, Cornell University Press, 1972.

Fisk, E.K., dan Osman-Rani, *The Political Economy of Malaysia*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1982.

George Cho, *The Malaysian Economy, Spatial Perspectives*, New York, Routledge, 1990.

H.Osman Rani, "Ekonomi Sebagai Satu Faktor Untuk Perpaduan Etnik: Pengalaman Malaysia Selepas Merdeka", *Kajian Malaysia*, Jilid 2, No. 2, Disember, 1987.

H. Osman, Rani, *The Economy*, Volume Editor, The Encyclopedia of Malaysia, Singapore, Archipelago Press, 2007.

Jomo Kwame Sundaram, *A Question of Class: Capital, the State and Uneven Development in Malaya*, Singapore, Oxford University Press, 1986.

Jomo Kwame Sundaram, *Industrialising Malaysia: Policy, Perform and Prospects*, London, Routledge, 1993.

Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967.

Lim, David, "The Political Economy of the New Economic Policy in Malaysia", *Review of Indonesian and Malayan Affairs (RIMA)*, Jilid 16, No. 2, Disember 1982.

Mehmet, Ozay, *Development in Malaysia: Poverty, Wealth and Trusteeship*, London, Croom, Helm, 1986.

Ramlah Adam, "Ekonomi Masyarakat Melayu Pada 1951-1955: Aktiviti RIDA, UMNO dan Dato' Onn Jaafar", *Kajian Malaysia*, Jilid XIV, No. 1 & 2, Januari/Disember 1996.

Rudner, Martin, "Trends in Malaysian Development Planning: Goals, Policies and Role Expansion", *Review of Indonesian and Malayan Affairs (RIMA)*, Jilid 14, No. 2, Disember 1980.

Rudner, Martin, *Malaysian Development, A Retrospective*, Ottawa, Carleton University Press, 1994.

Snodgrass, Donald R., *Inequality and Economic Development in Malaysia*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1980.

Shamsul Amri Baharruddin, "The Development of the Underdevelopment of the Malaysian Peasantry", *Journal of Contemporary Asia*, Jilid 9, No. 4, 1979.

Tunku Shamsul Bahrin dan Lee Boon Thong, *FELDA: 3 Decades of Evolution*, Kuala Lumpur, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, 1988.